

Kertas Bil. 17/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESUARAT
KETIGA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN
1 - 5 DISEMBER 2014**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERKENAAN DASAR PERUMAHAN DALAM
KONTEKS PEMBASMIAN KEMISKINAN DI KALANGAN MASYARAKAT
NEGERI SELANGOR
KERTAS BILANGAN 39/2014**

| Bil | Tajuk Penyata | Saranan | Jawapan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan | |
|-----|--|---|---|--|
| | | | Setuju | Tidak Setuju |
| 4. | PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN BERKENaan DASAR PERUMAHAN DALAM KONTEKS PEMBASMIAN KEMISKINAN DI KALANGAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR | <p>1. Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan satu garis panduan pelan pembinaan utiliti yang seragam.</p> <p>2. Kerajaan Negeri hendaklah menetapkan bidang kuasa dan tanggungjawab pelbagai agensi dan PBT yang terlibat supaya dapat meningkatkan penyelarasan dan integrasi sesama agensi ini.</p> <p>3. Kerajaan Negeri hendaklah bersama dengan pihak PBT mencari jalan untuk memastikan prestasi kutipan kos penyelenggaraan dilakukan.</p> <p>4. Kerajaan Negeri harus menyediakan satu garis panduan dalam menetapkan spesifikasi lif di setiap pembinaan rumah beringkat.</p> <p>5. Kerajaan Negeri hendaklah memaklumkan kepada Bank Negara untuk melaksanakan siasatan di bawah Akta AMLA (Anti-Money Laundering Act) supaya dapat mengurangkan spekulasi harga rumah dan menurunkan harga rumah.</p> | <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> | <p>Satu kajian perlu dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor (JPBD) untuk menyediakan satu garis panduan pelan pembinaan utiliti yang seragam.</p> <p>Untuk Rumah Selangorku, garis panduan kemudahan dan pembinaan utiliti telah ditetapkan untuk pembangunan yang diluluskan.</p> <p>Satu kajian perlu dilaksanakan oleh UPEN bagi menetapkan bidang kuasa dan tanggungjawab pelbagai agensi dan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) terlibat supaya dapat meningkatkan penyelarasan dan integrasi sesama agensi ini.</p> <p>LPHS dengan kerjasama PBT telah melaksanakan pendakwaan ke atas pemilik-pemilik yang tidak membayar caj penyelenggaraan dan di mana sebanyak 571 kes telah dibawa ke Mahkamah.</p> <p>Garis panduan dalam menetapkan spesifikasi lif di setiap pembinaan rumah beringkat telah wujud dan adalah di bawah penyelesaian Jabatan Keselamatan dan Kebajikan Pekerja (JKKP).</p> <p>Kerajaan Negeri hanya mengawal spesifikasi lif-lif di bawah program Skim CERIA.</p> <p>Siasatan di bawah Akta AMLA (Anti-Money Laundering Act) supaya dapat mengurangkan spekulasi harga rumah dan menurunkan harga rumah perlu diuruskan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).</p> <p>Kerajaan Negeri akan mengusulkan kepada pihak KPkt.</p> |



YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD D.P.M.S
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

| | | | |
|--|---|---|--|
| | 6. Kerajaan Negeri bolehlah mengkaji konsep "build first and sell later" sebagai mana dilaksanakan di Australia sebagai salah satu cara untuk mengurangkan kes projek terbengkalai. | ✓ | Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu Task Force untuk mengkaji konsep "build first and sell later". Kajian akan disiapkan sebelum Oktober 2015. |
| | 7. Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur dan tidak bergantung kepada pemaju supaya harga rumah dapat dikawal. | ✓ | Kajian akan keperluan infrastruktur perlu diuruskan oleh PBT. |
| | 8. Kerajaan Negeri hendaklah memberikan sokongan kepada LPHS untuk melaksanakan program rangsangan komuniti supaya dapat mendidik penghuni memupuk sifat berkomuniti yang sihat. | ✓ | Kerajaan Negeri telah melaksanakan program rangsangan komuniti antaranya SEROJA dan KKLIK. Untuk program SEROJA sehingga kini telah melibatkan sebanyak 10 pangsaupuri kos rendah dan KKLIK baru sahaja diliaksanakan. |
| | | | Sasaran sebanyak 50 kawasan pangsaupuri akan ditubuhkan program SEROJA pada tahun 2015. |
| | 9. Kerajaan Negeri hendaklah mengawal margin keuntungan pemaju dan menetapkannya pada kadar 20% daripada harga jualan. | ✓ | Perlu perancangan pembangunan dan semakan pelarasan harga bersama Jabatan Penilaian dan lain-lain untuk dilaksanakan. |
| | | | Di bawah program Rumah Selangorku, Kerajaan Negeri hanya mengawal harga 30 hingga 40 peratus dari rumah yang dibina jika projek melebihi keluaran yang ditetapkan. |
| | 10. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan satu garis SOP untuk menetapkan bagaimana bajej tambahan Kerajaan Negeri boleh diguna pakai untuk memastikan tiada penyelewengan ataupun terlebih belanja berlaku. | ✓ | Kerajaan Negeri sememangnya memastikan perakuan kewangan diperakui setiap masa. Kawalan dan semakan dibuat secara berkala. |



YB. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD DPM S
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan